

Merengung kembali peristiwa2 yang berlaku

FALSAFAH BERSIH 1981 MATLAMAT NEGARA



Pentadbiran dua M mahukan Malaysia jadi sebuah negara yang benar-benar progresif dan punya nilai2 kebudayaan yang kukuh ...



● DOKTOR Mahathir sedang bermesra dengan perwakilan ke Muktamar Islam di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

OLEH PENULIS KHAS

SERATUS enam puluh sembilan hari berlaku sudah sejak Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diperkenan dan diresuli oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Mulai tarikh tersebut, 16 Julai 1981, Datuk Seri Dr. Mahathir yang pernah dikenali oleh segolongan masyarakat politik sebagai ultra, tapi kini ditafsirkan sebagai nakhoda dinamis, berterusan melayarkan bahtera negara merdeka, menuju ke satu destinasi, matlamat, arah dan tujuan berlandaskan falsafah bersih, cekap dan lalin, dalam serba-serbi tugas dan tanggungjawab hariannya.

Dalam mengejar destinasi, matlamat, arah dan tujuan itu, Perdana Menteri bersama Timbalannya, Datuk Musa Hitam serta "anak-anak kapalnya" tidak sekali-kali merobah rangkaian perjalanan yang dilalui oleh bahtera negara.

Yang berubah cuma cara pengendaliannya, agar menghasilkan jenera peralihan yang lebih berkesan, produktif dan benar-benar berjaya rakyat.

Lantas, menjelang 1982 ini, walaupun bagi kita semua menoleh kebelakang buat sejenak dan telah ditempuh oleh Perdana Menteri sejak memegang satu perastu pemerintahan negara dan apa pula perubahan falsafah serta cara yang diketengah kepada kaitangan awam serta rakyat jelata.

Detik dan peristiwa yang dilalui oleh Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri 16 Julai adalah terluar panjang lebar untuk disenaraikan satu persatu. Bagaimanapun, mungkin wajar sekiranya dirangkumkan kepada beberapa aspek seperti politik kemasyarakatan, perhubungan antarabangsa dan keagamaan.

Sebagai seorang yang berpandangan jauh dan pragmatik, Perdana Menteri mempunyai satu impian yang besar bagi Malaysia serta rakyatnya.

Bellau mahukan Malaysia menjadi sebuah negara yang benar-benar progresif dan mempunyai nilai-nilai kebudayaan serta kerohanian yang kukuh. Bellau juga menguntumkan harapan agar suatu hari kelak Malaysia menjelma sebagai sebuah negara perindustrian yang selendang dengan negara-negara maju sekarang.

Selanjutnya, Perdana Menteri mahukan rakyat menyedari tanggungjawab masing-masing serta perannya terhadap pembangunan negara, di samping berusaha kearah pencapaian kerohanian yang luhur supaya Malaysia setaraf dengan negara lain, dan semua Malaysia dinormalkan oleh manusia sejagat yang mengenalinya.

Impian

Untuk mencapai segala impian dan harapan ini, Perdana Menteri berpendapat, setiap anggota masyarakat Malaysia perlu berdisiplin dan memperketatkan disiplin diri, berkerja keras, produktif, bersatu padu, harmoni, menyemai nilai-nilai kebudayaan dan nilai hidup yang sihat serta menghormati antara satu kaum dengan lainnya.

Di arena politik tanahair, tingkat swainya menimbulkan sedikit kecurigaan kalangan tengah golongan. Namun bellau yang matang dengan selok-belok serta lorong dan lliku politik, berjaya menangkis segala prasangka itu. Kini bellau diterima oleh sebilangan besar rakyat yang cintakan perdamaian, yang berpegang teguh kepada

prinsip demokrasi dan juga rakyat yang inginkan kemakmuran dan keamanan berterusan sepanjang masa.

Bagaimanapun, terdapat desiran ombak dan gelora yang ditempuhnya, seperti dengan tiba-tiba timbul suara politik lantang meminta bellau mewujudkan jawatan Timbalan Perdana Menteri kedua dari keturunan Cina.

Di segi ini bellau memancarkan sifat ketegasannya dengan kenyataan bahawa bellau tidak mempunyai sebarang pilihan, melainkan menolak permintaan-permintaan yang tidak langsung diterima oleh golongan-golongan lain di Malaysia.

Saya sedar berapa banyaknya yang boleh saya beri dan berapa banyak pula yang boleh saya terima. Sekiranya saya tidak bertegas, kesannya adalah serius, bukan sahaja kepada diri saya sendiri, malah kepada negara dan juga golongan yang membuat permintaan berkenaan," katanya sewaktu merasmikan perlimpungan Agung Muktamar Islam. Dengan erti kata lain, masalah Timbalan Perdana Menteri kedua terpaksa ditangguhkan dan menjadi satu impian yang boleh meletuskan persengketaan dan perpecahan di negara ini.

Perpecahan

Kemudiannya muncul pula isu politik dalam UMNO yang melibatkan jawatan Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Bakar. Kontroversi yang sungguh rumit itu berjaya diselesaikan oleh Perdana Menteri, walaupun seorang pemimpin muda yang berpeluang terpaksa berundur sementara menunggu taufan reda dan bahtera dapat belayar semula penuh ketegangan dan ketabahan.

Lenyap sudah krisis Menteri Besar Pahang dan Datuk Seri Dr. Mahathir pula mulai menghadapi masalah perhubungan antarabangsa yang sebenarnya timbul dari salah faham pihak berkecuali yang terluar kepada, sikap ketuanan yang diperkenalkan di negara ini sejak zaman penjajah.

Perkara ini timbul bila Perdana Menteri membuat kenyataan bahawa segala jabatan kerajaan yang mendapatkan kelulusan Jabatan Perdana Menteri sebelum mengemukakan tender kepada firma-firma British.

Mula ketika Perdana Menteri menjadi satu sasaran kritikan melalui pihak British, melalui laporan akhbar yang dikarang. Permoda di Britain itu adalah satu agensi pelaburan negara, membeli secara sah saham-saham Langkat Corporation di London.

Langkat itu diafakkan sebagai syarikat-syarikat gergasi asing di negara ini.

Maka pihak akhbar termasuk yang dikatakan mempunyai integriti di negara di Britain pun, mengeksplotasikan isu tersebut dengan arahan Perdana Menteri untuk memberi gambaran kepada dunia bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir adalah mewujudkan pemerintahan yang adil.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang tidak pernah menerima pelajaran menengah di Britain, dengan tenang British itu dan menafikan masyarakat laporan menyeylewes mengenai mengenai Britain, adalah laporan nakal dan liar.

Menjelang sidang Ketua-ketua terlaris berita di mana salah satu persediaan di negara itu memburukkan Datuk Seri Dr. Mahathir walaupun dengan hasrat berjenaka kerana bellau tidak menghadiri sidang berkenaan. Seperti, Perdana Menteri yang perhubungan dengan negara-negara ASEAN, Perhubungan Perseidangan Islam, Perhubungan Berkecuali serta persahabatan lebih erat dengan Jepun dan Korea Selatan, tidak sekali-kali melatah dengan perkara itu, yang berkaitan dengan apologi dari pihak Australia kepadanya.

Dr. M dengan tegas menolak suara-suara lantang mahukan Timbalan PM kedua



●DI MANA sahaja beliau melawat Dr. Mahathir akan disambut meriah oleh rakyat.

Usaha menjadikan Malaysia capai kemajuan Jepun

DARI MUKA 10

Bertolak dari kesalah tafsiran pihak British ini, elok pula kita singkap lembaran persahabatan Malaysia dengan negara-negara timur, khususnya Jepun dan Korea Selatan. Perdana Menteri menerusi kata-kata, kenyataan dan ucapannya, membayangkan harapannya agar suatu hari nanti Malaysia akan muncul sebagai Jepun dan Korea Selatan dari segi kemajuan perindustrian, sifat-sifat kerajinan rakyatnya serta betapa agresifnya masyarakat peniaga di sana, walaupun menerusi cara-cara yang lemah-lembut dan penuh sopan.

Korupsi

Langkah dan saranan Datuk Seri Dr. Mahathir, khususnya bila beliau menegaskan bahawa Malaysia perlu mewujudkan gedung perniagaan yang mungkin serupa dengan sogoshosha di Jepun dan ramal pelajar Malaysia perlu dihantar untuk latihan di Jepun dan Korea, adalah satu tindakan wajar dan menerima kepujian ramai.

Seperiti yang ditegaskan baru-baru ini, usaha menghantar pelajar ke Jepun adalah untuk mewujudkan perimbangan cara hidup dan sikap rakyat Malaysia yang selama ini lebih condong ke Barat, khususnya Britain dan Amerika Syarikat.

Dalam konteks pentadbiran negara, Datuk Seri Dr. Mahathir memperkenalkan sistem jam perakam waktu kedatangan dan kepulangan kakitangan Kerajaan.

Walaupun perkara itu

menimbulkan sedikit rasa tidak puas hati di kalangan mereka yang terlibat, ia tetap mempunyai objektif murni, untuk meningkatkan prestasi, produktiviti serta kelicikan perjalanan jentera kerajaan demi kepentingan rakyat.

Pengenalan jam perakam waktu ini mula merebak luas dipergunakan di seluruh negara, walaupun tiada arahan khususnya mengenainya dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat.

Seperkar lagi yang diperhebatkan penguatkuasaannya oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ialah pembasmian korupsi di kalangan semua peringkat pentadbiran dan rakyat.

Ini berjalan sehaluan dengan arahan beliau agar semua Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Menteri Besar, Ketua Menteri dan Exco mengisytiharkan harta benda mereka.

Tindakan Datuk Seri Dr. Mahathir ini menjadikan pihak pembangkang terlopong mulut dan terpinga-pinga kematian isu kerana masalah rasuah itu merupakan subjek paling popular di kalangan pembangkang, khususnya sewaktu berdebat di Parlimen. Sebagaimana yang ditegaskan dalam pertemuannya dengan akhbar sempena 100 hari menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mungkin dapat membasmi rasuah dengan sekaligus. Bagaimanapun, beliau tetap akan berusaha untuk menyemai perasaan takutkan Tuhan di kalangan mereka yang terlibat dengan jenayah itu.

Di segi keagamaan, Datuk Seri Dr. Mahathir

menegaskan melalui mesej Hari Raya baru-baru ini bahawa Islam menghendaki umatnya supaya beropan santun, berlaku adil dan toleran, sebagai yang diamalkan di Malaysia sekarang.

Selanjutnya, tegas Perdana Menteri, masyarakat bukan Islam di negara ini tidak perlu khuatir terhadap keselamatan mereka walaupun pengalaman di negara-negara lain mungkin menunjukkan orang bukan Islam tertekan.

Di sebalik kata-kata itu terselit hikmat perpaduan yang memang menjadi teras kepada pembangunan satu negara Malaysia yang tulen, harmoni, aman dan makmur.

Hikmat

Memang banyak lagi falsafah hidup, kerukunan jiranteatan, gaa-kemasyarakatan, kemajuan ekonomi dan perniagaan serta kesesuaian yang dipancarkan menerusi ucapan dan kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir dalam 169 hari menjadi Perdana Menteri.

Bagaimanapun, segalanya sudah tersurat dan diketahui umum. Apa yang perlu ialah disamping meneruskan sokongan kita kepada pimpinan beliau, rakyat harus sentiasa menyedari peranan, tugas dan tanggungjawab masing-masing untuk mencapai kemajuan fiskal dan rohani menerusi konsep BCL, bersih, cekap dan lincin yang menjadi asas kepada destinasi, malamat, arah dan tujuan yang ingin kita mimpikan dan harapkan hari ini.